

Konsep Kepatuhan Fatwa: Perspektif Ulama Silam dan Kontemporari serta Pengamalannya di Malaysia

[The Concepts of Fatwa Compliance: Perspectives of Classical and Contemporary Scholars and its Practice in Malaysia]

Abdul Azib Hussain¹, Noor Naemah Abdul Rahman²

¹ (Corresponding Author) Faculty of Syariah and Muamalat, Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Malaysia, Email: azibhussain83@gmail.com

² Department of Fiqh-USul and Appied Sciences, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, Email: naemah@um.edu.my

ABSTRACT

Compliance with fatwa has become a significant issue due to differing views between classical scholars, who emphasized the obligation of laypeople to follow the fatwa of a mujtahid, and the contemporary Malaysian context, where compliance becomes binding once a fatwa is gazetted. Variations in public acceptance of fatwa and confusion about its authority and binding nature highlight the need to re-examine the concept of fatwa compliance from both classical and modern perspectives. This emphasizes the importance of this study. The study aims to critically analyze the concept of fatwa compliance from the viewpoints of classical and contemporary scholars, as well as its practice in Malaysia. The research adopts a qualitative approach based on textual analysis and expert interviews with authoritative muftis. The findings show that fatwa compliance is rooted in scholarly authority in ijtihad, the strength of evidentiary proof, and its binding legal force. In the Malaysian context, a fatwa is considered legally binding only when it is gazetted. The results further confirm that fatwa compliance is a vital mechanism for maintaining doctrinal integrity, reducing social conflict, and guiding Muslims to practice their religion harmoniously. It also helps fatwa administration agencies develop effective policies and guidelines to strengthen the authority of fatwa and increase public adherence to legal rulings.

Keywords: *Fatwa compliance, classical and contemporary scholarly perspectives, fatwa implementation, ijtihad*

ABSTRAK

Kepatuhan terhadap fatwa menjadi isu penting apabila wujud perbezaan pandangan antara pendekatan ulama silam yang menekankan kewajipan orang awam mengikut

fatwa mujtahid, dengan realiti kontemporari di Malaysia yang mengikat pematuhan hanya selepas fatwa diwartakan. Perbezaan tahap penerimaan masyarakat terhadap fatwa serta kekeliruan mengenai autoriti dan kewajipan mematuhiya menimbulkan keperluan untuk mengkaji semula konsep kepatuhan fatwa dalam kedua-dua konteks klasik dan moden. Hal ini menjustifikasikan kepentingan kajian ini dijalankan. Kajian ini bertujuan menganalisis secara kritis mengenai konsep kepatuhan fatwa menurut perspektif ulama silam dan kontemporari serta pengamalannya di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berteraskan analisis teks dan temu bual pakar bersama mufti berautoriti. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepatuhan fatwa berpaksi kepada autoriti keilmuan dalam berijtihad, kekuatan dalil dan kuasa perundangan yang bersifat mengikat. Dalam konteks Malaysia, sifat fatwa yang mengikat hanya terhasil apabila fatwa diwartakan. Dapatan turut mengesahkan bahawa kepatuhan fatwa merupakan mekanisme penting dalam memelihara keutuhan akidah, meredakan konflik sosial dan membimbing umat Islam dalam menjalani kehidupan beragama secara harmoni. Ia turut membantu pihak pentadbiran fatwa merumus dasar dan garis panduan dengan berkesan dalam mengukuhkan autoriti fatwa serta meningkatkan kepatuhan masyarakat terhadap keputusan hukum yang dikeluarkan.

Kata Kunci: Kepatuhan fatwa, perspektif ulama silam dan kontemporari, pengamalan fatwa, ijtihad

How to Cite:

Received : 09-11-2025
Accepted : 27-11-2025
Published : 30-11-2025

Abdul Azib, H., & Abdul Rahman, N. N. (2025). *Konsep Kepatuhan Fatwa: Perspektif Ulama Silam Dan Kontemporari Serta Pengamalannya di Malaysia*. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 6(2), 115–134.

1. Pendahuluan

Perdebatan masyarakat dalam media mengenai kedudukan dan kewajipan mematuhi fatwa menunjukkan wujud kekeliruan terhadap konsep kepatuhan fatwa dan autoritinya dalam masyarakat. Walaupun ulama silam sepakat bahawa orang awam wajib mematuhi fatwa mujtahid berdasarkan autoriti ilmu dan kekuatan dalil, namun realiti semasa di Malaysia menjadikan kepatuhan fatwa hanya mengikat setelah sesuatu fatwa diwartakan. Jurang ini belum dibincangkan secara komprehensif dalam kajian terdahulu yang kebanyakannya menumpukan tahap penerimaan masyarakat terhadap fatwa tanpa meneliti asas konsep kepatuhan itu sendiri menurut perspektif ulama klasik dan kontemporari. Faktor ini menjadikan kajian ini signifikan untuk dilaksanakan.

Fatwa berperanan mengisi kekosongan terhadap tuntutan hukum yang belum diperincikan secara khusus dalam al-Quran dan sunnah. Manakala

mufti ialah pihak yang bertanggungjawab menjelaskan hukum berpandukan disiplin ilmu dan kaedah berdalil yang jelas. Institusi fatwa pula adalah platform rasmi yang mengawal selia segala persoalan hukum demi memastikan keberkesanannya dalam menjaga kesucian agama dan penghayatannya dalam kalangan masyarakat (Muhamad Shukri Muhamad, 2012).

Situasi semasa menyaksikan timbulnya pelbagai isu mengenai ketidakselarisan pandangan hukum agama antara fatwa negeri dan kebangsaan dengan keputusan hukum yang dikeluarkan oleh orang perseorangan atau organisasi tertentu. Sebagai contoh kajian Hussain, A. A. & Ahmad, M. K. (2020) mengenai keharusan pendermaan organ, penggunaan kalimah Allah dan beberapa perkara yang menyentuh isu khilafiah seperti muzik. Oleh itu, topik kepatuhan fatwa diangkat sebagai fokus perbincangan ini untuk meneroka perspektif ulama silam dan kontemporari berkaitan hal ini serta sejauh mana pengamalannya di Malaysia.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini menumpukan analisis terhadap konsep kepatuhan fatwa menurut perspektif ulama silam dan kontemporari berdasarkan sumber-sumber karya turath dan pandangan sarjana semasa. Selain itu, kajian turut menilai pengamalan konsep tersebut dalam konteks institusi fatwa di Malaysia melalui analisis dokumentasi dan temu bual pakar bidang.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui pendekatan kepustakaan. Kajian kualitatif dipilih dalam penyelidikan ini kerana ia lebih memberi penekanan terhadap pemahaman mendalam bagi sesuatu bidang kajian berbanding pengukuran kuantiti atau statistik. Ia juga meneroka kefahaman secara terperinci tentang tajuk kajian serta menyediakan perspektif yang luas dan terperinci (Creswell, 2009).

Kajian ini melibatkan dua proses utama iaitu pengumpulan data dan analisis data. Proses pengumpulan data diperolehi menggunakan kaedah dokumentasi dan kaedah temu bual sebagai data sokongan. Sumber-sumber berbentuk dokumentasi yang mempunyai autoriti dalam bidang kajian dirujuk daripada karya-karya klasik ulama usul fiqh, buku-buku ilmiah hasil penyelidikan dalam bidang fatwa, kertas kerja muzakarah pakar mengenai garis panduan fatwa, jurnal-jurnal berkaitan pengurusan dan penyelidikan fatwa serta enakmen dan akta yang menyentuh fatwa. Temu bual berkaitan data kajian pula melibatkan mantan Mufti Wilayah Persekutuan iaitu Datuk Dr. Haji Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri dan Mufti Negeri Selangor iaitu Y.A.D. Sahibus Samahah Dato' Setia Prof. Madya Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir.

Data-data yang diperoleh seterusnya dianalisis menggunakan pendekatan induktif dengan menyusun dapatan spesifik daripada pelbagai sumber kajian sehingga menghasilkan gambaran menyeluruh mengenai konsep kepatuhan fatwa. Begitu juga kaedah deduktif digunakan dengan menggunakan dapatan umum mengenai kepatuhan fatwa untuk membuat kesimpulan yang lebih khusus. Contohnya perbincangan umum mengenai ketaatan kepada *uli al-amr* dikaitkan dengan kepatuhan kepada fatwa yang diwartakan. Seterusnya pendekatan komparatif digunakan dengan membandingkan konsep kepatuhan fatwa menurut perspektif ulama silam dan kontemporari serta pengamalannya dalam konteks semasa di Malaysia. Kaedah analisis kandungan pula digunakan untuk mengklasifikasikan kandungan kepada tema seperti aspek autoriti mufti, kekuatan dalil, keharmonian sosial dan kawalan ajaran sesat. Semuanya diolah secara deskriptif termasuk menghuraikan sejarah perkembangan fatwa sejak zaman awal Islam dan perubahannya daripada tradisi ilmu kepada sebahagian daripada struktur perundangan moden.

3. Sejarah Perkembangan Fatwa

Pada zaman Rasulullah SAW, al-Quran dan sunnah menjadi sumber rujukan hukum yang utama. Baginda SAW merupakan kalam pemutus dalam setiap permasalahan hukum dan pertikaian yang berlaku. Setiap para sahabat wajib patuh dan taat kepada segala fatwa Rasulullah SAW kerana baginda adalah *sultah al-tashri'* iaitu penggubal hukum syarak secara mutlak (Al-Zuhaili, 2006).

Selepas zaman wahyu, sebarang keputusan hukum dirujuk kepada para sahabat *radiyallahu 'anhum*. Menurut Ibn Qayyim (1423H), terdapat lebih daripada 130 orang para sahabat Rasulullah SAW sama ada lelaki atau wanita yang pernah mengeluarkan fatwa. Dalam kalangan mereka terdapat seramai tujuh orang para sahabat yang paling banyak mengeluarkan fatwa, iaitu Umar ibn al-Khattab, Ali bin Abi Talib, Abdullah bin Mas'ud, 'Aishah Umm al-Mu'minin, Zaid bin Thabit, 'Abdullah bin 'Abbas dan 'Abdullah bin 'Umar *radiyallahu 'anhum*.

Maka timbul perbezaan pandangan hukum dalam kalangan para sahabat walaupun dalam masalah yang sama. Oleh itu, setiap sahabat tidak membebaskan umat Islam untuk mengikut pendapat mereka secara mutlak. Umat Islam boleh berpegang kepada mana-mana fatwa para sahabat yang mereka ingini.

Walaupun jumhur fuqaha menjadikan fatwa sahabat sebagai sumber dalil hukum selepas al-Quran dan hadith (Ibn Qayyim, 1423H), namun fatwa

para sahabat dikategorikan sebagai sumber hukum yang tidak disepakati oleh ulama seperti kaedah-kaedah hukum yang lain termasuk *al-masalih*, *al-'urf wa al-'adah*, *al-istishab*, *sadd al-zarai'*, *al-istihsan* dan beberapa perkara lagi.

Dalam mazhab Imam Abu Hanifah contohnya, fatwa para sahabat berada pada kedudukan yang ketiga selepas al-Quran dan sunnah. Hal ini sebagaimana ditegaskan oleh Imam Abu Hanifah sendiri seperti yang diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi (2001) dalam kitabnya:

أَخَذُ بِكِتَابِ اللَّهِ فَمَا لَمْ أَجِدْ فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ أَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ وَلَا سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ أَخَذْتُ بِقَوْلِ أَصْحَابِهِ أَخَذُ بِقَوْلِ مَنْ شِئْتُ مِنْهُمْ وَأَدْعُ مَنْ شِئْتُ مِنْهُمْ وَلَا أَخْرُجُ مِنْ قَوْلِهِمْ إِلَى قَوْلِ غَيْرِهِمْ

Terjemahan: Saya mengambil [hukum] berdasarkan kitab Allah [al-Quran]. Kalau tidak saya temui [di dalamnya], maka saya [mengambil hukum] berpandukan sunnah Rasulullah. Jika tidak saya dapati dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah, saya mengambil hukum berdasarkan pendapat para sahabat. Saya mengambil pandangan sesiapa sahaja dari kalangan mereka menurut keinginan saya dan saya meninggalkan pandangan sesiapa sahaja dari kalangan mereka menurut kemahuan saya. Saya tidak keluar dari bersandarkan kepada pandangan mereka kepada pandangan orang lain selain mereka.

Dalam mazhab Maliki pula, fatwa para sahabat berada pada kedudukan yang keenam selepas al-Quran, sunnah, ijmak, amalan penduduk Madinah dan *qiyas* (Ahmad Nahrawi 'Abd al-Salam, 1988). Berbeza pula dalam mazhab Hambali, fatwa para sahabat berada pada peringkat yang ketiga selepas al-Quran dan sunnah (al-Turki, 1990; al-Dimasyqi, 1981).

Dari zaman ke zaman, ramai ulama yang menjadi rujukan umat Islam untuk bertanya berkaitan hukum dan fatwa kerana kepercayaan masyarakat terhadap kealiman dan kepakaran mereka. Perbezaan pandangan hukum menjadi semakin luas kerana umat Islam bebas untuk berpegang dengan mana-mana pandangan hukum daripada ulama yang mereka sukai.

Sehingga pada zaman pemerintahan khalifah Umar bin Abdul Aziz, beliau telah mewujudkan jawatan mufti secara rasmi. Orang pertama yang dilantik oleh Umar bin Abdul Aziz sebagai qadi dan mufti adalah Urwah bin Muhammad al-Sa'diy di Yaman (Ibn Qayyim, 1423H). Kemudian selepas itu, wujudlah jawatan mufti dari masa ke semasa hingga tertubuhnya institusi fatwa seperti sekarang.

Kini, sebarang permasalahan hukum boleh dirujuk kepada mufti atau Ahli Jawatankuasa Fatwa. Dalam menyelesaikan permasalahan hukum yang

rumit, proses ijtihad dilakukan oleh pihak mufti secara *jama'i*. Ini kerana syarat-syarat kelayakan sebagai seorang mujtahid yang benar-benar ideal seperti yang termaktub dalam kitab-kitab ulama usul terdahulu, tidak lagi mampu dicapai oleh seorang mufti pada masa sekarang.

Lagipun proses ijtihad secara *jama'i* mempunyai kelebihan dalam mengurangkan kebarangkalian berlaku kesilapan ketika berfatwa, kerana kelemahan dalam berijtihad dapat ditampung oleh setiap ahli jawatankuasa fatwa mengikut kepakaran mereka masing-masing.

Sesuai dengan keadaan zaman yang semakin maju, penyampaian pandangan hukum kepada masyarakat menjadi lebih mudah dan interaktif khususnya melalui medium televisyen dan media sosial. Setiap ilmuwan agama bebas untuk memberikan pandangan hukum berdasarkan ilmu yang mereka miliki, sehingga kadang-kadang tanpa disedari rupanya pandangan hukum yang disampaikan adalah bersalahan dengan fatwa yang diputuskan oleh institusi fatwa yang lebih berautoriti di Malaysia.

Justeru, kepatuhan kepada fatwa rasmi amat diambil berat kerana meraikan kemaslahatan masyarakat supaya tidak keliru dengan pandangan hukum yang berbagai di samping menghormati institusi fatwa yang merupakan rujukan hukum paling berautoriti di Malaysia.

4. Sorotan Kajian Literatur

Kajian mengenai kepatuhan fatwa mempunyai perkaitan dengan tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kajian seperti ini pernah diterokai oleh beberapa penyelidik terdahulu. Hasil kajian mereka terbahagi kepada dua tahap iaitu: [a] Rendah dan bertambah baik, serta; [b] Tinggi. Kajian-kajian yang menunjukkan tahap penerimaan fatwa pada tahap rendah dan bertambah baik kebanyakannya terhasil daripada penyelidikan awal seperti Othman Ishak (1981), Raihanah Abdullah (2004), Hasnan Kasan (2008), Suria Hani A. Rahman et. al (2016), Ahmad Hidayat Buang dan Che Rozaihan Che Rosli (2017), Siti Nurunnajwa Shamsudin et. al (2018) dan Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar dan Mohd Nasir Abdul Majid (2021). Ini menunjukkan bahawa wujud kecenderungan masyarakat untuk menolak fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia (Ashaari et.al, 2019).

Manakala kajian Hussain, A. A., & Ahmad, M. K. (2020) menunjukkan tahap kepatuhan fatwa dalam program di TV AlHijrah adalah tinggi iaitu sebanyak 97.26%. Seterusnya kajian empirikal terkini oleh Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar & Mohd Nasir Abdul Majid (2022) pula mendapati tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia juga tinggi dengan mencapai skor min sebanyak 4.60 (90.6%). Hasil

kajian ini membuktikan bahawa tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap kepatuhan fatwa adalah tinggi serta menghormati institusi-institusi tersebut sama ada di peringkat negeri atau persekutuan.

Walaupun kajian terdahulu banyak meneliti tahap penerimaan dan kepatuhan masyarakat terhadap fatwa, namun kajian-kajian tersebut tidak menelusuri asas konseptual kepatuhan fatwa menurut perspektif tradisi ulama usul fiqh klasik dengan realiti kontemporari dan pengamalannya dalam konteks semasa di Malaysia. Antara beberapa kelompangan kajian terdahulu adalah aspek perbincangan mengenai hubungan antara teori kepatuhan fatwa menurut ulama silam dengan amalan fatwa moden di Malaysia. Begitu juga belum ada perbincangan yang menjelaskan ‘peralihan konsep kepatuhan’ daripada kerangka ilmu (epistemik) kepada kerangka perundangan (*legal-institutional*). Oleh itu, masih belum wujud kajian komprehensif yang mengintegrasikan teori klasik, amalan semasa dan dapatan empirikal secara serentak dalam satu kajian. Jurang ini menunjukkan keperluan untuk mengkaji konsep kepatuhan fatwa secara integratif merangkumi teori ulama terdahulu, pemahaman kontemporari dan amalan institusi fatwa di Malaysia.

5. Dapatan Kajian


Kajian mendapati bahawa perspektif ulama silam mengenai kepatuhan fatwa berasaskan tiga aspek utama iaitu: [a] Autoriti keilmuan mufti; [b] Kekuatan dalil, dan; [c] Kewajipan orang awam bertaklid kepada mujtahid. Ulama usul seperti al-Razi, al-Amidi, al-Baidawi dan al-Isnawi sepakat bahawa seseorang yang tidak mencapai martabat ijihad wajib mengamalkan fatwa yang diputuskan oleh mufti, manakala mujtahid yang setaraf tidak boleh bertaklid. Ini menunjukkan bahawa kepatuhan fatwa dalam tradisi klasik bukan bersifat pilihan, namun merupakan kewajipan syarak yang bertujuan menjaga ketertiban hukum dan mengelakkan kekeliruan masyarakat.

Dalam konteks kontemporari, kajian mendapati bahawa sifat kepatuhan fatwa di Malaysia berubah daripada model keilmuan klasik kepada model perundangan moden. Keputusan fatwa hanya mengikat selepas ia diwartakan oleh institusi fatwa negeri. Temu bual bersama mufti mengesahkan bahawa walaupun masyarakat menunjukkan tahap kesedaran agama yang semakin baik, namun kekeliruan tentang kewajipan mematuhi fatwa masih wujud. Contohnya perbezaan antara fatwa *irshadi* dan fatwa yang diwartakan.

Kajian juga mendapati bahawa kepatuhan fatwa berfungsi sebagai mekanisme penting dalam memelihara akidah, mengharmonikan konflik sosial dan membimbing masyarakat dalam kehidupan beragama. Institusi fatwa memainkan peranan signifikan dalam mengawal ajaran sesat, menyelesaikan pertikaian hukum dan memberikan paduan yang sahih kepada

masyarakat. Hasil kajian ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuhkan dasar komunikasi fatwa, meningkatkan pendidikan masyarakat tentang autoriti fatwa serta menyelaraskan kefahaman antara pendekatan klasik dan moden mengenai kepatuhan fatwa. Ringkasan dapatan kajian ini dipaparkan dalam rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Ringkasan Dapatan Kajian



Sumber: Penyelidikan, 2025

6. Asas Perbincangan

6.1 *Kepatuhan Fatwa Menurut Perspektif Ulama dan Justifikasinya*

Kepatuhan dari sudut bahasa bermaksud menurut, taat, tidak membantah (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2025) dan menerimanya dengan sepenuh hati. Hal ini boleh diibaratkan seumpama seorang pesakit perlu menurut nasihat seorang doktor yang sedang merawat penyakitnya. Begitu juga perumpamaan seorang Muslim yang perlu akur terhadap fatwa mufti bagi mencapai kemaslahatan hidup dalam membina hubungannya dengan Tuhan dan sesama manusia.

Kebanyakan fatwa yang diputuskan oleh ulama silam sangat dihormati dan dipegang oleh umat Islam ketika itu kerana kewibawaan dan kehebatan ilmu seorang mufti adalah sangat tinggi. Oleh sebab itu, nukilan pandangan-pandangan tokoh-tokoh hebat begitu banyak ditulis oleh ulama dalam kitab masing-masing. Khususnya fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulama berwibawa dan terkenal seperti para imam empat mazhab, Imam al-Nawawi, Izz al-Din bin ‘Abd al-Salam dan ramai lagi.

Sebagai contoh Abdul Rahman al-Masyhur dalam kitabnya *Bughyat al-Mustarshidin*. Kitab ini mengumpulkan fatwa-fatwa daripada beberapa ulama Shafieyyah untuk diteliti, dikaji, ditekuni dan dihayati sehingga diambil untuk diamalkan. Fatwa-fatwa mereka dijadikan rujukan bukan semata-mata oleh peribadi dan masyarakat, bahkan dibukukan atau diangkat menjadi undang-undang di peringkat negara. (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2017).

Jadi kepatuhan fatwa bagi ulama terdahulu banyak dipengaruhi oleh kewibawaan ilmu yang mereka miliki serta kedudukan mereka sebagai mujtahid. Lebih-lebih lagi apabila seorang mufti pada zaman tersebut dilantik sebagai mufti rasmi negara.

Berdasarkan penelitian pengkaji, ulama silam tidak menyebut secara khusus mengenai maksud kepatuhan fatwa melalui perkataan-perkataan mereka. Namun menurut Anhar Haji Opir (2017), banyak isyarat dalam kitab-kitab ulama usul fiqh terutama berkaitan perbincangan topik 'ijtihad dan taklid' yang menunjuk kepada perkara ini.

Antaranya seperti Imam Fakhr al-Din al-Razi, Qadi Tajuddin al-Armawi, Imam Sirajuddin al-Armawi, Qadi 'Abd Allah bin 'Umar al-Baidawi, Imam Saifuddin al-Amidi dan Imam al-Isnawi. Walaupun kesemua tokoh ini tidak membincangkan 'kepatuhan fatwa' secara literal dalam perbincangan mereka, namun perkara ini dapat difahami secara tersirat melalui perbincangan mereka mengenai kewajiban taklid, autoriti mujtahid, ketidakmampuan orang awam berijtihad, kekuatan dalil dan kepakaran mufti. Ia mempunyai asas utama berkaitan konsep kepatuhan fatwa. Menurut majoriti ulama usul fiqh klasik, fatwa mujtahid wajib dipatuhi oleh *mustafti* kena ia bersandarkan kelayakan dan kepakaran, kekuatan dalil dan keperluan menjaga maslahat agama. Antara ulama yang menegaskan adalah seperti al-Amidi (2003) bahawa seseorang yang tidak mampu berijtihad wajib mengikut dan bertaklid kepada pandangan hukum yang dikeluarkan oleh mujtahid sekalipun dia seorang yang alim.

Dari satu sudut, konteks perbincangan di atas mungkin difahami oleh kebanyakan pengkaji mengenai persoalan adakah fatwa seorang mufti mujtahid bersifat mengikat atau tidak? Namun konteks yang ingin diisyaratkan oleh penulis daripada perbincangan ini ialah aspek kepatuhan fatwa, berasaskan beberapa istilah yang digunakan oleh ulama klasik seperti *wajib al-taklid li al-'ammi*, *ahliyyah al-mufti*, *hujjiyyah qawl al-mujtahid* dan sebagainya. Istilah *wajib al-taklid li al-'ammi* contohnya digunakan oleh ulama klasik merujuk kepada kewajiban orang awam mengikut pendapat mujtahid. Ini bermakna orang awam tidak boleh beramal dengan pendapatnya sendiri sebaliknya wajib mengikut fatwa mufti yang berkeelayakan. Inilah

maksud tersirat mengenai kepatuhan fatwa oleh ulama klasik. Hubungan antara mufti dan *mustafti* adalah hubungan antara fatwa dan kepatuhan.

Perbahasan ulama klasik di atas dalam bab *al-ijtihad wa al-taklid* sebenarnya secara tersirat menyentuh isu yang sama iaitu kewajipan orang awam mematuhi fatwa mufti yang berautoriti.

Ini bermakna terdapat hubungan normatif antara mufti dan *mustafti*. Kesemuanya menunjukkan bahawa fatwa mufti adalah mengikat bagi orang awam dan mesti dipatuhi, manakala hanya mufti yang setaraf sahaja dikecualikan daripada kewajipan tersebut. Oleh itu, kesimpulan bahawa ulama klasik membincangkan isu kepatuhan fatwa adalah tepat kerana perbahasan mereka bukan sekadar tentang ‘pendapat mujtahid mengikat atau tidak’, tetapi juga membentuk asas teoretikal kepada konsep kepada kepatuhan fatwa yang difahami secara tersirat.

Imam al-Nawawi dan Imam Ibn al-Salah juga mempunyai pandangan yang sama seperti pendapat di atas. Hal ini dapat dikesan melalui kata-kata mereka:

كُلُّ مَنْ لَمْ يَبْلُغْ دَرَجَةَ الْمُفْتِيِّ فَهُوَ فِيمَا يُسْأَلُ عَنْهُ مِنَ الْأَحْكَامِ الشَّرْعِيَّةِ مُسْتَفْتٍ مُقَلَّدٌ مَنْ يُفْتِيهِ

Terjemahan: Setiap orang yang belum mencapai kedudukan mufti [berijtihad] maka dalam perkara yang ditanyakan tentangnya dari [perihal] hukum-hukum syarak [dia] merupakan seorang yang meminta fatwa [*mustafti*] yang menjadi pengikut kepada orang yang memberi fatwa kepadanya (Ibn al-Salah, 1986; al-Nawawi, 1988; al-Nawawi, t.t).

Ini bermakna, perkara yang terpakai dalam pandangan hukum kepada orang awam ialah fatwa yang diputuskan oleh mufti. Secara tidak langsung ia memberi isyarat bahawa *mustafti* mesti mematuhi fatwa yang telah dikeluarkan oleh seorang mufti dalam masalah yang telah diputuskan tersebut. Ulama silam juga bersepakat bahawa *mustafti* wajib berpegang dengan fatwa mufti dalam beberapa keadaan seperti:

- Pertama : Apabila hanya terdapat seorang mufti dalam sebuah negeri atau negara.
- Kedua : Apabila mufti menyatakan pandangan hukum yang disepakati oleh ulama kerana seseorang tidak harus menyalahi ijmak.
- Ketiga : Apabila mufti yang memberikan fatwa adalah lebih alim dan lebih dipercayai kerana seseorang tidak harus beramal dengan fatwa orang yang diragui keilmuan dan keadilannya.
- Keempat : Apabila terdapat pertikaian pendapat di antara dua orang *mustafti* lalu mereka berdua memohon fatwa daripada mufti untuk menyelesaikan pertikaian mereka. Maka wajib ke atas kedua-dua *mustafti* tersebut beramal dengan fatwa mufti supaya

menyelesaikan perselisihan yang berlaku Al-Juwaini, 1997; Ibn Salah, 1986; al-Nawawi, 1988; al-Dakhayyal, 2007).

Keempat-empat keadaan dalam pandangan ulama di atas mempunyai kaitan yang hampir sama dengan situasi fatwa di Malaysia pada masa kini. Keadaan pertama mempunyai sedikit persamaan dari sudut kedudukan mufti. Setiap negeri di Malaysia mempunyai seorang mufti yang berautoriti mengeluarkan fatwa di peringkat negeri masing-masing. Di bawahnya pula terdapat Jawatankuasa Fatwa yang membantu beliau ketika proses membuat fatwa. Oleh itu, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti di peringkat negeri sepatutnya dipatuhi oleh setiap orang Islam yang berada di negeri terbabit lebih-lebih lagi apabila ia ditakninkan.

Keadaan kedua pula mempunyai persamaan yang hampir dari sudut persepakatan hukum oleh para mufti seperti dalam majlis muzakarah fatwa di peringkat kebangsaan. Para mufti dari seluruh negeri bersidang di peringkat kebangsaan di bawah Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan memutuskan sesuatu hukum secara bersama. Kemudian fatwa yang diputuskan tersebut akan dibawa ke peringkat negeri untuk diterima pakai atau dikuatkuasakan. Ia boleh disifatkan sebagai ijtihad *jama'i*.

Begitu juga keadaan ketiga dalam pandangan ulama di atas. Ia tidak berbeza jauh dari sudut lantikan mufti di negara kita sekarang. Walaupun syarat-syarat mufti yang dibahaskan dalam kitab usul klasik terlalu ideal untuk dipenuhi, namun sekurang-kurangnya mufti zaman kontemporari dilantik dalam kalangan orang yang berkelulusan dalam bidang ilmu pengajian Islam dan dipercayai. Jadi, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti yang pakar dalam bidang ilmunya mempunyai kekuatan dari sudut kesahihan hukum dan lebih dipercayai masyarakat. Maka menjadi wajib ke atas setiap orang Muslim untuk beramal dengan fatwanya.

Keadaan keempat dalam pandangan ulama di atas juga mempunyai kaitan yang hampir serupa dengan fungsi fatwa di negara kita dari sudut peranannya sebagai penyelesai perselisihan hukum dalam masyarakat. Keputusan fatwa boleh mengharmonikan keadaan dan boleh menyatukan pandangan hukum yang banyak kepada satu pegangan sahaja (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2017). Contohnya seperti pandangan hukum yang diputuskan oleh MKI. Walaupun fatwa tersebut tidak bersifat mengikat, namun ia bertujuan untuk menyelesaikan konflik dan keclaruan masyarakat terhadap sesuatu permasalahan hukum yang berlaku.

Kepatuhan fatwa juga perlu dilihat daripada perspektif kekuatan dalil dan hujah. Kebanyakan ulama usul berpandangan bahawa sesuatu keputusan hukum wajib dipatuhi apabila bersandarkan kepada dalil yang lebih kuat (al-

Amidi, 2003). Ini kerana beralih kepada beramal dengan dalil yang lemah sedangkan wujud dalil yang lebih kuat di sampingnya adalah bertentangan dengan kewarasan akal (al-Razi, t.t).

Setelah meneliti perbincangan dan pandangan ulama silam di atas, maka kepatuhan fatwa boleh difahami sebagai: “Tanggungjawab *mustafti* untuk berpegang dan beramal dengan fatwa mufti yang mujtahid bersandarkan kepada kekuatan dalil sama ada fatwa tersebut ditakninkan oleh kerajaan atau tidak.”

Definisi kepatuhan fatwa di atas lebih bersifat umum kerana ia merangkumi segala fatwa yang dikeluarkan oleh seorang mufti sama ada berupa fatwa *irsyadi* (nasihat hukum semata-mata) atau fatwa yang dikanunkan oleh kerajaan. Ini bermakna segala jenis fatwa yang dikeluarkan oleh mufti wajib dipatuhi oleh setiap *mustafti* dengan syarat fatwa tersebut diputuskan berpandukan dalil yang lebih kuat. Dalam masa yang sama ia juga mengkhususkan syarat kelayakan seorang mufti mesti mencapai taraf sebagai mujtahid.

Setelah berlalu beberapa zaman hingga sekarang, kebanyakan mufti dilantik oleh pemerintah. Contohnya Abu Yusuf dilantik sebagai Ketua Kadi bagi kerajaan Bani ‘Abbasiah, Abu Su’ud sebagai mufti bagi kerajaan Uthmaniyyah dan Sheikh Nizam bagi kerajaan Mughal India (Ahmad Hidayat Buang, 2016).

Pelantikan mereka dibuat berdasarkan kelayakan dan kepakaran mereka untuk berfatwa, kerana orang yang tidak layak berfatwa akan meruntuhkan agama, bukan membangunkannya. Ibn Qayyim berkata:

مَنْ أَفْتَى النَّاسَ بِأَهْلِ لِلْمُتَوَى فَهُوَ آثِمٌ عَاصٍ وَمَنْ أَقَرَّهُ مِنْ وَلَاةِ الْأُمُورِ عَلَى ذَلِكَ فَهُوَ آثِمٌ
أَيْضًا

Terjemahan: Sesiapa yang memberikan fatwa kepada manusia sedangkan dia tidak mempunyai kepakaran untuk berfatwa maka dia berdosa dan bermaksiat [kepada Allah]. Dan sesiapa yang mengiktirafnya dari kalangan pemerintah di atas perkara tersebut maka dia [pemerintah] juga berdosa (Ibn Qayyim, 1423H).

Pada zaman pemerintahan Dinasti Bani Umayyah, kerajaan bertindak menyekat mereka yang tidak layak berfatwa daripada mengeluarkan pandangan hukum. Bahkan apabila tiba musim haji, dilantik beberapa mufti rasmi di Mekah untuk berfatwa serta diarahkan orang ramai supaya tidak meminta fatwa melainkan kepada mereka sahaja. Di antara mereka adalah seperti ‘Atha’ bin Abi Rabah dan ‘Abd Allah bin Abi Najih (al-Khatib al-Baghdadi, 1996).

Jika pemerintah diwajibkan mencegah orang yang tidak pandai berubat daripada mengubati pesakit, maka bagaimana pula dengan orang tidak mengetahui al-Quran dan sunah serta tidak memahami ilmu agama! (Ibn Qayyim, 1423H) Tentulah lebih utama untuk diambil tindakan ke atas mereka.

Tindakan ini bertujuan untuk mencegah kemungkaran terhadap orang yang membuat dosa, bertepatan dengan Sabda Nabi SAW:

مَنْ أَفْتَى بِغَيْرِ عِلْمٍ كَانَ إِثْمُهُ عَلَى مَنْ أَفْتَاهُ

Terjemahan: Sesiapa yang berfatwa tanpa ilmu adalah dosanya atas orang yang berfatwa tersebut.

[Abi Dawud Sulayman bin al-Ash'ath al-Sijistani. (t.t). "Sunan Abi Dawud," *Kitab al-'Ilm, Bab al-Tawaqqi fi al-Futya*, no. hadith 3657; Muhammad bin 'Abd Allah al-Khatib al-Tibrizi. (1979). "Mishkat al-Masabih," *Kitab al-'Ilm, al-Fasl al-Thani*, no. hadith 242]

Oleh kerana pemerintah bertanggungjawab dalam menjaga kemaslahatan umum umat Islam serta menolak sebarang keburukan terhadap mereka, maka sepatutnya dalam perihal yang melibatkan fatwa, pemerintah mesti melantik mereka yang mampu memikul tugas ini dengan baik. Dalam masa yang sama pemerintah mesti memantau keadaan mufti selepas pelantikannya (al-Dakhayyal, 2007). Al-Khatib al-Baghdadi (1996) berkata:

يَنْبَغِي لِإِمَامِ الْمُسْلِمِينَ أَنْ يَتَصَفَّحَ أَحْوَالَ الْمُفْتِينَ فَمَنْ كَانَ يَصْلُحُ لِلْفَتْوَى أَفَرُّهُ عَلَيْهَا وَمَنْ لَمْ يَكُنْ مِنْ أَهْلِهَا مَنَعَهُ مِنْهَا وَتَقَدَّمَ إِلَيْهِ بِأَنْ لَا يَتَعَرَّضَ لَهَا وَأَوْعَدَهُ بِالْعُقُوبَةِ إِنْ لَمْ يَنْتَهَ عَنْهَا

Terjemahan: Wajar bagi pemerintah umat Islam memantau keadaan para mufti. Siapa yang layak berfatwa maka dia memberikan pengiktirafan kepadanya dan siapa yang tidak layak berfatwa dia melarangnya. Dan dia [pemerintah] mengingatkan kepadanya [orang tersebut] supaya tidak memandai-mandai berfatwa serta mengancamnya dengan tindakan jika orang tersebut tidak berhenti daripada berfatwa.

Di samping itu, kerajaan Islam terdahulu juga telah mengenal pasti cara untuk mengetahui siapa yang layak dilantik menjadi mufti dan berfatwa. Ia ditentukan melalui beberapa kaedah:

- Pertama : Bertanya kepada ulama pada zamannya dan bepegang kepada sumber berita yang boleh dipercayai. Lalu dipilih dari kalangan mereka orang yang benar-benar layak berfatwa (al-Nawawi, 1988).
- Kedua : Berdasarkan kelulusan dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pemerintah.

Contohnya pada zaman pemerintahan Sultan Salim al-Uthmani (922H). Mereka yang diberi prioriti dan layak dilantik menjadi mufti adalah orang yang mempunyai keluasan dan kepakaran ilmu agama, bertakwa serta mempunyai pengkhususan dalam berfatwa (al-Mallah, 2001).

Menurut al-Dakhayyal (2007), fatwa mufti yang dilantik oleh pemerintah adalah lebih baik kerana mendapat tauliah daripada pemerintah. Maka mentaati fatwanya mempunyai kekuatan dari sudut kesahihan fatwa dan kewajipan orang ramai untuk mengikutinya.

Mutakhir ini, kepatuhan fatwa dalam konteks luar negara dan antarabangsa seperti di negara-negara Arab diukur dari sudut sumber yang mengeluarkan fatwa. Fatwa-fatwa dianggap sebagai berwibawa serta dipatuhi pandangan hukumnya apabila dikeluarkan oleh ulama terkenal atau dari institusi fatwa yang berautoriti. Contohnya seperti fatwa daripada *Shuyukh al-Azhar*, *Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, *Haiah Kibar al-Ulama' Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah*, *al-Majma' al-Fiqhi* dan banyak lagi.

Manakala dari sudut amalan dan pemahaman kontemporari dalam negara kita, maksud kepatuhan fatwa sedikit berbeza berbanding maksud kepatuhan fatwa menurut pandangan ulama terdahulu. Kepatuhan fatwa di negara kita lebih dilihat daripada perspektif undang-undang.

Dari sudut perundangan, hanya fatwa yang diwartakan sahaja wajib untuk dipatuhi kerana ia bersifat mengikat. Manakala pandangan atau kenyataan bertulis oleh mufti tidak mengikat seseorang dari segi undang-undang walaupun dibuat di mahkamah (Mohamed Azam Mohamad Adil, 2014).

Pemahaman kepatuhan fatwa ini adalah selari dengan pandangan Zulkifli Mohamad al-Bakri (2017) melalui katanya: “Selepas zaman mutakhir, [kita tengok] kedudukan mereka [mufti] lebih berbeza daripada dahulu. Mereka ‘dirasmikan’, maksudnya ada pelantikan mufti, ada Ahli Jawatankuasa Fatwa dan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak. Apabila mereka bersidang, maka keputusan mereka itu diiktiraf dan mempunyai autoriti. Sementelahan lagi jika sekiranya [keputusan fatwa] digazet. Maka ia membabitkan isu pewartaan. Dan pewartaan akan mengikat menjadi perundangan. Ketika itulah kepatuhan [kepada fatwa] lebih tinggi, berbanding dengan pilihan semata-mata.”

Inilah juga pandangan yang dinyatakan oleh Anhar Haji Opir (2017), iaitu hanya fatwa yang telah diwartakan menjadi undang-undang sahaja yang mengikat seseorang Muslim untuk wajib dipatuhi. Beliau berkata: “Kalau yang kontemporari, maka ia [fatwa] lebih bersifat yang telah dianekmenkan di

setiap negeri, digazetkan atau diwartakan. Maka ia lebih kemas dan lebih tersusun. Itu sifat yang zaman moden kontemporari ini. Maka ia dipanggil pula patuh fatwa ini, fatwa itu sendiri bersifat mengikat setiap daripada umat Islam.”

Ringkasnya, pemahaman kontemporari mengenai kepatuhan fatwa di negara kita boleh didefinisikan sebagai: ‘Akur terhadap keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti sama ada sebelum atau setelah ia diwartakan oleh kerajaan di peringkat negeri masing-masing.’

6.2 *Kepentingan Mematuhi Fatwa dan Realitinya di Malaysia*

Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana setiap negerinya mempunyai mufti masing-masing. Atas faktor sejarah dan perundangan, institusi fatwa ditubuhkan di peringkat negeri (Ahmad Hidayat Buang, 2016). Justeru terdapat 14 orang mufti di Malaysia mewakili 14 buah negeri daripada pelbagai latar belakang pendidikan.

Sultan-sultan ialah ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang beraja. Manakala Yang di-Pertuan Agong pula adalah Ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak beraja seperti Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya (Undang-undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, 2006). Ini bermakna setiap mufti dilantik secara rasmi atas perkenan sultan-sultan setiap negeri.

Atas dasar ini, undang-undang yang digubal di setiap negeri memberi kuasa kepada kerajaan negeri masing-masing untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa yang membantu Jabatan Mufti mengeluarkan sesuatu fatwa bagi pihak kerajaan negeri. Ahli jawatankuasa ini juga dilantik atas perkenan sultan-sultan bagi negeri yang beraja dan perkenan Yang di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri yang tidak beraja. Keanggotaannya terdiri daripada ulama dan profesional (Mohamed Azam Mohamad Adil, 2014).

Secara umumnya, jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa Negeri. Namun ia dipanggil dengan nama yang berbeza di beberapa buah negeri seperti Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak bagi Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Fatwa bagi Kedah dan Terengganu, Jemaah Ulama’ bagi Kelantan (Mohamed Azam Mohamad Adil, 2014; Hasnan Kasan, 2006).

Oleh itu, hanya institusi fatwa di setiap negeri sahaja yang berhak dan bertanggungjawab mengeluarkan fatwa rasmi. Autoriti fatwa rasmi sewajarnya tidak lagi dipersoalkan oleh mana-mana pihak kerana ia merupakan hukum syarak yang muktamad yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang mesti dipatuhi (Othman Haji Ishak, 1981). Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu. (Al-Nisa' 4: 59)

Menurut al-Jassas (1994) tafsiran *uli al-amr* dalam ayat di atas adalah ulama. Demikian dinukilkan pandangan Jabir bin Abdullah, Ibn 'Abbas dalam satu riwayat, al-Hasan, 'Atha' dan Mujahid. Mereka turut berpendapat *uli al-amr* sebagai ahli fiqh dan ilmu. Jadi termasuk dalam tafsiran ini ialah para mufti kerana mereka juga memahami ilmu-ilmu fiqh.

Oleh itu, mematuhi fatwa adalah penting kepada setiap umat Islam khususnya di Malaysia. Ia ditinjau dari aspek keharmonian, kawalan dan panduan. Aspek keharmonian yang dimaksudkan di sini ialah keharmonian sosial dalam masyarakat. Sikap taasub terhadap sesuatu pandangan hukum biasanya boleh mencetuskan ketegangan dan pertikaian di antara dua pihak yang saling berselisih pendapat. Apabila telah hilang sifat berlapang dada dan hormat-menghormati, akhirnya ia membawa kepada perdebatan atau permusuhan.

Dengan merujuk kepada fatwa mufti ia boleh menyelesaikan konflik di atas. Maka tidak timbul kecelaruan d kalangan masyarakat dalam memilih pandangan hukum antara pendapat yang kuat dengan pendapat yang lemah apabila masing-masing merujuk pandangan hukum kepada pihak berautoriti seperti mufti. Ini kerana apabila mufti bersidang dalam majlis muzakarah hukum, ia turut disertai oleh ramai tokoh ilmuwan dan profesional. Justeru, diputuskan hukum dalam muzakarah tersebut dengan sebaik dan seadilnya.

Aspek kawalan pula bermaksud mengawal sesuatu perkara yang telah difatwakan. Contohnya ajaran sesat atau ajaran yang telah difatwakan menyeleweng daripada ajaran Islam. Maka fatwa berkepentingan untuk mengawal perkara seperti ini. Semua umat Islam mesti akur dan patuh dengan maksud tidak boleh menyebarkan ajaran yang telah diharamkan tersebut. Jika disebarkan juga, maka boleh diambil tindakan undang-undang (Anhar Haji Opir, 2017).

Sebagai contoh, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, Selangor, Melaka, Pahang, Sabah dan Pulau Pinang telah memutuskan bahawa ajaran, fahaman dan pegangan Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn Bhd (GISBH) adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam (Utusan Malaysia, 2024). Di Pahang, Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-2 (2024) telah memutuskan bahawa ajaran The Ahmadi Religion of Peace and Light adalah sesat dan menyeleweng serta

bercanggah dengan ajaran Islam. Manakala Ordinan Majlis Islam Serawak (2024) telah menggazetkan fatwa hukum ajaran Suhaini Mohammad (Si Hulk) sebagai sesat dan menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.

Berdasarkan jawapan bertulis Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas (2024) jumlah ajaran sesat yang dalam pemantauan secara khusus JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam di Negeri-negeri dan Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 20 ajaran.

Maksud daripada kawalan ini juga adalah bertujuan menjaga kesucian akidah dan agama seseorang Muslim. Menjaga agama (*hifz al-din*) adalah perkara *daruriyyat* yang termasuk dalam *maqasid al-syariah* yang lima iaitu menjaga agama, jiwa, akal keturunan dan harta benda. Maka tanggungjawab mufti dalam mencorak hidup beragama masyarakat adalah dengan memastikan mereka tidak terpedaya dengan ajaran sesat tersebut.

Manakala aspek memandu pula bermaksud memberi panduan kepada masyarakat berkaitan sesuatu permasalahan hukum. Tidak semua orang awam mengetahui hukum sesuatu perkara yang pada zahirnya nampak harus atau boleh. Namun apabila dibuat kajian dan penyelidikan yang lebih mendalam, rupa-rupanya memang sangat sesuai untuk difatwakan ia sebagai salah dan juga menyeleweng. Maka secara tidak langsung ia dapat memandu dan memimpin masyarakat supaya tidak tersilap dalam mengamalkan satu-satu ajaran (Anhar Haji Opir, 2017).

Jika hasil penyelidikan Hussain, A. A., & Ahmad, M. K. (2020) dan kajian empirikal oleh Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar & Mohd Nasir Abdul Majid (2022) boleh dijadikan sebagai indikator untuk mengukur tahap kepatuhan fatwa di Malaysia secara keseluruhan, maka ia menunjukkan suatu kedudukan yang baik. Namun menurut Luqman Haji Abdullah dan Muhammad Ikhlas Rosele (2016) isu kepatuhan terhadap perbezaan fatwa sebenarnya tertakluk kepada negeri-negeri. Kadang-kadang setiap negeri mempunyai fatwa yang berbeza-beza walaupun dalam isu yang sama.

Jadi ringkasnya, terdapat pemboleh ubah terhadap kepatuhan fatwa di negeri-negeri di Malaysia kerana setiap negeri mempunyai bidang kuasa untuk menggazetkan fatwanya tersendiri. Ada sebahagiannya diwartakan oleh kerajaan negeri dan sebahagian negeri lain tidak mewartakannya. Ini menunjukkan keunikan variasi fatwa dalam konteks Malaysia.

7. Kesimpulan

Kajian ini bertujuan meneliti konsep kepatuhan fatwa menurut perspektif ulama silam dan kontemporari serta pengamalannya di Malaysia. Ia memberi

tumpuan terhadap asas-asas epistemologi kepatuhan fatwa dan kedudukan mufti sebagai mujtahid, keperluan taklid bagi orang awam serta kekuatan dalil sebagai sandaran utama dalam berijtihad sehingga keputusan hukum diterima oleh masyarakat. Selain itu, kajian turut menelusuri prinsip-prinsip yang diperincikan dalam literatur klasik usul fiqh berkaitan keadaan-keadaan yang mewajibkan seseorang mematuhi fatwa berdasarkan autoriti keilmuan, kesepakatan ulama dan kemaslahatan umum. Ini diteliti melalui pandangan tokoh-tokoh besar seperti al-Amidi, al-Razi, Ibn Salah dan al-Nawawi yang mana telah menggarap asas teori kepatuhan fatwa sehingga menjadi rujukan dalam tradisi keilmuan Islam.

Di samping meneliti warisan klasik, kajian turut meneroka pemahaman kontemporari mengenai kepatuhan fatwa khususnya dalam konteks Malaysia yang mengamalkan struktur pemfatwaan mengikut bidang kuasa negeri. Objektif ini dicapai melalui analisis terhadap peranan institusi fatwa negeri, proses pewartaan dan kuasa undang-undang yang menjadikan fatwa mengikat setelah ia diwartakan. Hasil kajian memperlihatkan bahawa kepatuhan fatwa pada masa kini tidak hanya bergantung kepada autoriti keilmuan semata-mata, namun turut dipengaruhi oleh kerangka perundangan yang menetapkan bahawa fatwa berwarta adalah wajib dipatuhi. Kajian turut mendapati bahawa institusi seperti Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan memainkan peranan penting dalam menyelaraskan pandangan hukum di seluruh negara melalui proses ijtihad jama'ie yang lebih tersusun.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kepatuhan fatwa mempunyai kepentingan besar dari aspek keharmonian sosial, kawalan terhadap ajaran sesat serta panduan terhadap masyarakat dalam isu-isu hukum yang kompleks. Kepatuhan ini membantu mengelakkan keclaruan hukum, mengharmonikan perbezaan pandangan dan mengukuhkan autoriti institusi keagamaan dalam mencapai maqasid al-syariah iaitu *hifz al-din*. Secara keseluruhan, kajian merumuskan bahawa kepatuhan fatwa sama ada menurut perspektif tradisional atau kontemporari adalah instrumen penting dalam memastikan keseragaman amalan beragama, keselamatan akidah dan kesejahteraan umat Islam di Malaysia.

Rujukan

- Al-Amidi, 'Ali bin Muhammad. (2003). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Ed. 'Abd al-Razzak 'Afifi. Riyadh: Dar al-Sami'i.
- Abi Dawud al-Sijistani, Sulayman bin al-Ash'ath. (t.t). *Sunan Abi Dawud*. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Ahmad Nahrawi 'Abd al-Salam, al-Indonisi, Dr. (1988). *Al-Imam al-Shafi'i fi Mazhabihi al-Qadim wa al-Jadid*. Kaherah: Maktabah al-Shabab.

- Ahmad Hidayat Buang dan Che Rozaihan Che Rosli. (2017). Persepsi dan Penerimaan Mahasiswa terhadap Fatwa Negeri Selangor. *Journal of Fatwa Management and Research*. 9(1), 129-147. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.44>
- Anhar Haji Opir, YAD Sahibus Samahah Dato' Setia Prof. Madya Dato' Dr. (2017). Mufti Selangor. Temu bual dengan informan di Pejabat Mufti Selangor pada 1 Mac 2017.
- Berita Harian. (2024). Ajaran GISBH sesat, menyeleweng daripada ajaran Islam. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1323653/ajaran-gisbh-sesat-menyeleweng-daripada-ajaran-islam-mki>
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 3rd ed. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Al-Dakhayyal, 'Abd al-Rahman bin Muhammad. (2007). *Al-Fatwa: Ahammiyyatuha Dawabituha Atharuha*. Ed. 1. Arab Saudi: Jaizah Nayif Ibn 'Abd al-'Aziz Ali Su'ud al-'Alamiyyah li al-Sunnah al-Nabawiyyah wa al-Dirasat al-Islamiyyah al-Mu'asirah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2025). Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Diakses pada 30 Oktober 2025 melalui <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=patuh>
- Al-Dimasyqi, Al-'Allamah 'Abd al-Qadir bin Badran. (1981). *Al-Madkhal ila Mazhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Hasnan Kasan. (2008). *Institusi Fatwa di Malaysia*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussain, A. A., & Ahmad, M. K. (2020). Kajian Evaluatif Terhadap Kepatuhan Fatwa dalam Program Cinta Ilmu di TV Alhijrah. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 89-106.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamaluddin Muhammad bin Mukrim bin 'Ali. (1414H). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim. (1423H). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Ed. 1 Abu 'Ubaidah dan Abu Umar. Jeddah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn Salah al-Shahrazuri 'Uthman bin 'Abd Rahman. (1986). *Adab al-Mufti wa al-Mustafti*. Ed. 1. Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. (2024). Larangan Ajaran The Ahmadi Religion of Peace and Light di Negeri Pahang. <https://mufti.pahang.gov.my/fatwa/2024/larangan-ajaran-the-ahmadi-religion-of-peace-and-light-di-negeri-pahang>
- Al-Jassas, Ahmad bin 'Ali Abu Bakr al-Razi. (1994). *Ahkam al-Quran*. Ed. 1 'Abd al-Salam Muhammad 'Ali Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Thabit. (2001). *Tarikh Madinah al-Salam*. Ed. 1 Dr. Bashir 'Awwad Ma'ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- _____. (1996). *Al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Ed. 1. Jeddah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Khatib al-Tibrizi, Muhammad bin 'Abd Allah. (1979). *Mishkat al-Masabih*. Ed. 2 Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Luqman Haji Abdullah dan Muhammad Ikhlas Rosele. (2016). "Isu Perbezaan Fatwa di Malaysia: Satu Tinjauan". Makalah Seminar Fatwa Antarabangsa 2016, INFAD, USIM, Nilai. 189-194.
- Al-Mallah, Dr. Husain Muhammad. (2001). *Al-Fatwa: Nash'atuha wa Tatawwuruha wa Usuluha wa Tatbiqatuha*. Ed. 1. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas. (2024). <https://parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JDR18112024.pdf>
- Mohamed Azam Mohamad Adil. (2014). "Kewajipan Patuh kepada Fatwa." Rencana, Utusan Online, 11 November 2014.

- Mohd Anuar Ramli et. al. (2013). "Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal". *Jurnal Fiqh* 10.
- Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar dan Mohd Nasir Abdul Majid. (2021). Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Satu Tinjauan Literatur: Acceptance of Fatwa Among Malaysian Muslim Society: A Literature Review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(1), 45-62. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol24no1.335>
- _____. (2022). Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Kajian Empirikal: Fatwa Acceptance Among Malaysian Muslim Community: An Empirical Study. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 59-81. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.458>
- Muhamad Shukri Muhamad. (2012). "Kriteria dan Panduan Pengeluaran Fatwa Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah." Kertas kerja, Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dengan kerjasama JAKIM, USIM. 24 Oktober 2012.
- Al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar. (t.t). *Al-Mahsul fi 'Ilm Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1988). *Adab al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*. Ed. 1. Damsyik: Dar al-Fikr.
- _____. (t.t). *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Ordinan Majlis Islam Serawak. (2024). Fatwa Hukum Ajaran Suhaini Mohammad (Si Hulk). https://lawnet.sarawak.gov.my/lawnet_file/Subsidiary/SUB_Issue%20No.%2053%20_L.N.%20266%20Fatwa%20Ruling%20on%20teaching%20Suhaini%20Mohammad.pdf
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Raihanah Abdullah. (2004). *Fatwa dan Masyarakat*. Fatwa di Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. p. 142-162.
- Siti Nurunnajwa Shamsudin, Irwan Mohd Subri & Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali. (2018). Penerimaan Media Atas Talian Sebagai Medium Penyampaian Fatwa dalam Kalangan Masyarakat Muslim Selangor: Satu Tinjauan Awal: Acceptance Online Media As Medium of Fatwa Dissemination Among Muslim in Selangor: A Preliminary Study. *Journal of Fatwa Management and Research*, 10(1), 73-88. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.30>
- Suria Hani A. Rahman, Noor Adzrah Ramle, Safiyah Ahmad Sabri, Nur Kareelawati Abd Karim & Mazni Buyong. (2016). Reporting Fatwa in the Media: Reception and Perception. *Journal 'Abqari*. Vol. 9 (Special Edition). 31-47.
- Al-Turki, 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin. (1990). *Usul Mazhab al-Imam Ahmad, Dirasah Usuliyah Muqaranah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Undang-undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan. 2006. <https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/perlembagaan-persekutuan-bm.pdf>
- Utusan Malaysia. (2024). Pulau Pinang putuskan GISBH haram, menyeleweng daripada Islam. <https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/pulau-pinang-putuskan-gisbh-haram-menyeleweng-daripada-islam/>
- Al-Zuhaily, Dr. Wahbah. (2006). *Usul al-Fiqh al-Islamiy*. Ed. ke-14. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, Datuk Dr. (2017). Mantan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Temu bual dengan informan di Pejabat Mufti Wilayah pada 9 Mac 2017.